

Bukan Melayu boleh jadi PM bukan propaganda

UM 28 JUL 2000

KOTA KINABALU 27 Julai — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini sekali lagi menegaskan, kenyataannya bahawa orang Melayu boleh menjadi Perdana Menteri bukan propaganda untuk mendapat sokongan tetapi ia fakta yang tercatat dalam perlembagaan negara.

Katanya, perlembagaan negara tidak menghalang kaum lain selain Melayu untuk menjawat jawatan tersebut dengan syarat mereka mendapat sokongan penuh daripada rakyat.

"Mereka (bukan Melayu) boleh jadi Perdana Menteri jika diterima oleh semua rakyat. Ia juga bukan satu perkara mustahil jika satu hari nanti keturunan Kadazan juga boleh jadi Perdana Menteri," katanya ketika berucap merasmikan Kongres Keenam Pertubuhan Pasok Momogun Kadazandusun Bersatu (UPKO) di sini hari ini.

Katanya, perlembagaan negara tidak menghalang orang bukan Melayu untuk menjawat jawatan tersebut malah orang Melayu mampu menjadi Perdana Menteri sekarang kerana disokong oleh seluruh rakyat.

"Bukan kita hendak takut-takutkan orane Melayu atau mahu mendapatkan sokongan bukan Melayu, tetapi ini adalah kenyataan," tegasnya.

Katanya lagi, dari segi perlembagaan tidak ada halangan untuk sesiapa menjadi Perdana Menteri sama ada Melayu, Cina, India atau suku kaum lain.

Di samping itu, kata Dr. Mahathir, Barisan Nasional akan terus dengan konsep pelbagai partinya sekarang kerana dengan cara itu semua kaum di negara ini akan diwakili.

Katanya, belum sampai masa untuk membentuk sistem satu parti yang terbuka kepada semua kaum

kerana bimbang kemungkinan ia akan didominasi oleh kaum tertentu.

"Sebab itu, kita suka parti campuran seperti sekarang iaitu ada 14 parti yang berlainan dalam BN," katanya.

Melalui cara itu, setiap parti bebas untuk menyuarakan pandangan dan hasrat kaum yang diwakili oleh parti mereka.

"Ini bermakna setiap kaum yang terkecil sekalipun dapat suaranya pandangan mereka," jelasnya.

Dr. Mahathir turut melahirkan rasa gembira apabila BN semakin diterima di Sabah.

Katanya, jika dahulu calon BN di negeri ini lebih suka menggunakan simbol parti mereka sendiri dalam pilihan raya kerana takut tidak mendapat sokongan, tetapi sekarang mereka bertanding dengan menggunakan lambang BN.

"Hari ini semua guna simbol BN dan mereka tidak sukar untuk mendapat sokongan bahkan semakin bertambah kuat kerana parti komponen yang lain turut memberi sokongan kepada mereka," jelasnya.

Pada masa yang sama, Perdana Menteri turut meminta masyarakat bumiputera supaya sentiasa berusaha mempertingkatkan taraf hidup mereka termasuk memberi keutamaan dalam bidang pendidikan.

Katanya, kerajaan boleh menyediakan peruntukan untuk membantu mereka tetapi yang lebih penting ialah golongan bumiputera sendiri berusaha untuk menjayakan diri mereka.

"Bumiputera ada kebolehan yang sama dengan bukan bumiputera, tetapi jika ia tidak dipupuk dan dibangunkan ia tidak akan menandatangani hasil," tegasnya.